

Wan Azizah temui anggota Kongres di Amerika

UM 300 JUNI 2001

WASHINGTON 29 Jun — Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail telah menegadakan pertemuan dengan anggota-anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) termasuk Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa, Henry Hyde di sini semalam.

Menurut agensi berita *Reuters*, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu juga dijadual menemui pegawai-pegawai Jabatan Negara AS, selain menemui Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn.

Bank Dunia merupakan antara penyokong kuat Anwar semasa beliau menyanggah jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Kehadiran Azizah di AS adalah juga untuk menyampaikan ucapannya pada persidangan tahunan bersama 'Islam di Amerika' dan 'Islam di penjara Amerika' anjuran Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) di Indianapolis, esok.

Tahun lalu, atas alasan kononnya berlaku pencabulan hak asasi manusia di Malaysia, ISNA membatalkan jemputannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyampaikan ucapan pada kongres persatuan itu.

■ Lihat muka 4

Wan Azizah temui anggota Kongres di Amerika

ISNA yang diwakili oleh ramai cerdik pandai Islam di Amerika Utara sebelum ini sudah beberapa kali menjemput Dr. Mahathir memberikan ucapannya pada majlis anjuran mereka. Perubahan sikap ISNA itu berikutan gerakan secara terancang pihak tertentu di Malaysia memburuk-burukkan kerajaan di luar negara terutama di AS berikutan pemecatan Anwar kerana tuduhan salah guna kuasa dan meliwat.

Wan Azizah pada sidang akhbarinya selepas menemui anggota-anggota Kongres AS berkata, beliau berada di AS adalah bagi menjelaskan tentang keadaan Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara dan pendirian suaminya untuk menjalani rawatan tulang belakang di Jerman.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr. Chandra Muzaffar ketika mengulas lawatan Wan Azizah kepada *Utusan* sebelum ini berkata, pemergian Wan Azizah adalah sebagai individu dan bukannya mewakili parti.

Wan Azizah dilaporkan ditemani oleh ahli-ahli keluarganya ke sana.